



LAPORAN KEBERKESANAN

GOP : Eksplorasi ke Osaka, Jepun



KANDUNGAN

PENGENALAN



1

AHLI-AHLI GOP



5

LAPORAN KEBERKESANAN



6

RUMUSAN



16


CADANGAN PENAMBAHBAIKAN



17

With Compliments
from

Azlan Ramli



Kon'nichiwa.

Program Capaian Global merupakan satu program pembelajaran dan pengajaran yang berbentuk pendedahan tentang budaya kerja antarabangsa kepada semua staf bukan akademik secara lebih sistematik dan tersusun. Ia dilaksanakan melalui program sangkutan (*attachment*) dan lawatan kerja ke universiti serta lokasi terpilih bagi memberi pendedahan, kemahiran dan menjalankan rangkaian (*networking*) yang diperlukan.

Kumpulan kami terdiri daripada 10 orang staf UNIMAS iaitu 5 orang staf Kumpulan Pengurusan & Profesional dan 5 orang staf Kumpulan Pelaksana. Selain daripada kriteria pemilihan utama yang ditetapkan oleh Universiti, ahli kumpulan dikenalpasti dari kalangan staf yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan pelajar iaitu Pusat Khidmat Pelajar, BHEPA (termasuk kolej kediaman), Pusat Pengajian Siswazah, Bahagian Pengajian Prasiswazah, Bahagian Canselori, Fakulti dan Bahagian Pembangunan & Pengurusan Aset.

Osaka, Jepun telah dipilih sebagai lokasi GOP kumpulan kami. Dengan bertemakan *Global Outreach Program: Exploration to Osaka, Japan*, kumpulan kami telah mengenalpasti empat (4) buah universiti sekitar Osaka untuk tujuan lawatan sangkutan (*attachment*) dan beberapa lokasi menarik yang lain untuk lawatan budaya.

Arigato Gozaimasu

KETUA KUMPULAN
ZURAIDAH ABAS

EDITOR
AZLAN RAMLI

PENGARANG
MIZAN MORSHIDI
ELLIA JELANI
MUHAMMAD RAMLIE HASSAN SHAARI
MOHD AFANDI MAT SANI
AWANG SHAMSULIZHA AWANG ZULKIFLI
NURUL AZWAN JAMAL SHUKRI

GAMBAR
MOHAMMAD YAZIS ABDUL KADIR
MIZAN MORSHIDI
ELLIA JELANI
YULHARDY BUDIMAN
MOHD HUSSAINI NOORJAYA CHEW

KONSEP & REKALETAK
YULHARDY BUDIMAN





Pengenalan

OBJEKTIF PROGRAM

- Mempertingkatkan budaya kerja UNIMAS yang berkualiti, berprestasi tinggi, bernilai murni, berintegriti dan berakauntabiliti;
- Memberikan penyerahan kepada staf ke persada antarabangsa serta memberikan kakitangan peluang untuk mempelajari sistem kerja yang lebih efisyen dan efektif untuk diaplikasikan di UNIMAS;
- Menyedia dan membina perwatakan staf yang berpendirian teguh, inovatif serta berpandangan luas serta memahami isu-isu global dan serantau;
- Mendedahkan staf dengan kepelbagaiannya pengalaman budaya, tradisi serta teknik komunikasi yang berkesan;
- Menjana kakitangan yang lebih beridealisme, proaktif dan kreatif menerusi pemerhatian serta dialog yang lebih terbuka dan global;
- Meletakkan UNIMAS pada kelasnya yang tersendiri melalui interaksi dengan dunia luar dalam hasratnya ke arah mencapai status universiti bertaraf dunia; dan
- Mewujudkan usahasama di antara UNIMAS dengan institusi pengajian tinggi luar negara.

PEMILIHAN AHLI

Saringan peringkat pertama dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilai GOP UNIMAS iaitu:

- Telah disahkan dalam jawatan dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dengan UNIMAS;
- Mempunyai rekod Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tahun sebelumnya melebihi 85%;
- Telah memenuhi jumlah keperluan latihan 42 jam / tahun pada tahun sebelumnya;
- Diperakukan atau disokong oleh Ketua PTj;
- Dihadkan kepada sepuluh (10) orang dalam setiap kumpulan dengan melibatkan semua skim perkhidmatan dengan pecahan kategori seperti berikut:
 - Boleh melibatkan semua pegawai (100%);
 - Pegawai dan staf Pelaksana (50%, 50%);
 - Pegawai dan staf Pelaksana (30%, 70%)

Untuk pemilihan peringkat seterusnya, kumpulan kami juga mengambil kira kriteria tambahan iaitu staf yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan pelajar serta kesesuaian (*compatibility*) di antara ahli secara keseluruhan.

GERAK KERJA GOP

| PERKARA | TARIKH | CATATAN |
|--|--------------------|--|
| Pemilihan ahli kumpulan dan penyediaan kertas kerja | 15 Ogos 2012 | |
| Penghantaran kertas kerja kepada Unit Pembangunan Modal Insan (UPMI) untuk kelulusan Jawatankuasa Penilai GOP | 30 Ogos 2012 | |
| Kelulusan secara prinsip GOP: Eksplorasi ke Osaka, Jepun | 24 September 2012 | Perlu menamakan calon ganti dari Bahagian Canselor dari kalangan staf Pelaksana yang memenuhi syarat kelayakan bagi memastikan kuota peserta memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu 5 orang staf P&P dan 5 orang staf Pelaksana |
| Mesyuarat GOP Bil. 01 /(2012) | 2 Oktober 2012 | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian Siswazah • Perancangan awal GOP |
| Kelulusan Rasmi Program GOP: Eksplorasi ke Osaka, Jepun | 5 Oktober 2013 | |
| Kursus Bahasa Inggeris | 30-31 Oktober 2012 | Lokasi: Bilik Belian selama 10 jam |
| Menerima maklumat daripada BPPSM mengenai Kelulusan Pembelian Tiket Penerbangan secara Online (Tanpa Menggunakan Waran) bagi Peserta GOP | 5 November 2012 | |
| Mesyuarat GOP Bil. 02/(2012) | 13 November 2012 | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Bilik Mesyuarat Pusat Khidmat Pelajar • Membincangkan alternatif universiti yang akan dilawati dan agihan tugas |
| Soft Launching GOP UNIMAS | 5 Disember 2012 | Lokasi: Bilik Media, Rumah Universiti |
| Permohonan Penangguhan GOP kepada Naib Canselor | 17 Disember 2012 | |
| Kelulusan Penangguhan GOP daripada Naib Canselor | 24 Disember 2012 | |
| Makluman Itinerari Terkini GOP kepada Naib Canselor | 25 Januari 2013 | |
| Permohonan Wang Pendahuluan GOP sebanyak RM30,000.00 | 30 Januari 2013 | |
| Menerima Kelulusan Wang Pendahuluan GOP | 5 Februari 2013 | |
| Mesyuarat GOP Bil. 03/(2013) | 6 Februari 2013 | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Bilik Mesyuarat PKP • Menguruskan tempahan tiket penerbangan secara atas talian |
| Mesyuarat GOP Bil. 04/(2013) | 1 Mac 2013 | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Bilik Mesyuarat Utama, FSKPM • Urusan pengisian borang visa dan insuran kesihatan |
| Mesyuarat GOP Bil. 05/(2013) | 26 Mac 2013 | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Bilik Mesyuarat FEP • Penyelarasan akhir dan pengumpulan makanan kering untuk urusan pembungkusan |

AGIHAN TUGAS

| BIL | TUGASAN | TINDAKAN |
|-----|---|---------------------------|
| 1. | Urusan perhubungan dengan Universiti di Osaka | Azlan |
| 2. | Itinerari terkini untuk kelulusan Naib Canselor | Zuraidah |
| 3. | Permohonan wang pendahuluan RM30,000.00 | Zuraidah |
| 4. | Makluman kepada Ketua PTj berkaitan mengenai keterlibatan staf dalam kumpulan GOP: Eksplorasi ke Osaka, Jepun | Zuraidah |
| 5. | Urusan tempahan tiket penerbangan | Ellia / Ramlie |
| 6. | Urusan permohonan visa | Mizan |
| 7. | Penyelarasan permohonan insuran kesihatan | Yulhardy |
| 8. | Urusan tempahan penginapan dan pelan perjalanan | Afandi |
| 9. | Urusan pengangkutan darat | Afandi |
| 10. | Penyelarasan penyediaan soalan untuk perbincangan dengan Universiti | Mizan / Yazis |
| 11. | Penyelarasan penyediaan curriculum vitae ahli untuk dihantar ke Universiti | Awg Sham |
| 12. | Mengenalpasti lokasi untuk lawatan budaya | Azwan / Ellia |
| 13. | Penulisan laporan GOP | Ramlie / Yulhardy / Mizan |
| 14. | Pembelian makanan kering | Semua ahli |
| 15. | Urusan pembungkusan makanan kering | Azwan / Ellia |
| 16. | Penyediaan cenderahati UNIMAS dan Sarawak | Yulhardy / Afandi |
| 17. | Jurugambar | Yazis / Yulhardy |
| 18. | Video Korporat UNIMAS | Yulhardy |
| 19. | Penyediaan kad nama rasmi ahli (business card) | Semua ahli |

PERJALANAN DAN PROGRAM

Lawatan telah dibuat ke empat (4) buah universiti seperti berikut:



8 April 2013 (Isnin)
Momoyama Gakuin University (Universiti Swasta)



9 April 2013 (Selasa)
Kansai Gaidai University (Universiti Swasta)



10 April 2013 (Rabu)
Osaka City University (Universiti Awam)



11 April 2013 (Khamis)
Osaka University (Universiti Nasional)



AHLI-AHLI GOP

Kumpulan kami terdiri daripada 10 orang staf UNIMAS iaitu 5 orang staf Kumpulan Pengurusan & Profesional dan 5 orang staf Kumpulan Pelaksana.

Selain daripada kriteria pemilihan utama yang ditetapkan oleh Universiti, ahli kumpulan dikenalpasti dari kalangan staf yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan pelajar iaitu :

- Pusat Khidmat Pelajar, (termasuk kolej kediaman);
- Pusat Pengajian Siswazah;
- Bahagian Pengajian Prasiswazah;
- Bahagian Canselori;
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan;
- Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia;
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan; dan
- Bahagian Pembangunan & Pengurusan Aset.

Laporan Keberkesanan

Penambahbaikan yang telah dilaksanakan di PTj masing-masing atau UNIMAS, hasil daripada ilmu atau pemerhatian semasa melaksanakan Program Capaian Global. Keberkesanan dan Perubahan cara kerja hasil daripada pemerhatian/best practice yang dipelajari daripada universiti yang dilawati.

Kemahiran tidak ketara (*intangible*) yang diperolehi berdasarkan kepada hasil pembelajaran yang diperolehi di sana adalah seperti yang dinyatakan di bawah:-

Meningkatkan Kemahiran Interpersonal dan Keyakinan Diri (Komunikasi dan Kepimpinan)

Bagaimana yang dikatakan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal seseorang adalah melalui latihan dan kepercayaan kepada staf menyelaras rombongan lawatan di samping dilantik sebagai jurucakap mewakili rombongan semasa sesi bersama pihak Universiti. Setiap pegawai diberikan kepercayaan dalam memberikan ucapan serta pengenalan berhubung lawatan dan UNIMAS semasa sesi bersama Universiti. Dari setiap pilihan perkataan dan pembawaan diri sekaligus melatih pegawai untuk lebih percaya diri, di samping pada masa yang sama meningkatkan kemahiran komunikasi dan gaya kepimpinan pegawai.

Selain itu, bagi setiap destinasi yang dituju baik untuk lawatan rasmi ke Universiti mahupun ke lokasi lawatan budaya, penyelaras rombongan dilantik dari kalangan ahli bagi mengelakkan kebergantungan kepada seorang ahli sahaja dalam mendapatkan maklumat perjalanan. Sebagai contoh, seorang





ahli dilantik bagi menyelaras perjalanan dari lokasi penginapan ke destinasi, dan ini termasuklah urusan membaca peta perjalanan, mengenalpasti laluan keretapi atau bas yang perlu diambil, perantara (jika perlu bertanya kepada penduduk tempatan atau petugas stesen jika tersalah jalan) dan merangka serta merancang perjalanan untuk hari tersebut. Dalam masa yang sama, pegawai turut dilatih untuk bertanggungjawab terhadap tugas yang telah dianamahkan. Ini bermakna, setiap tugas yang diberikan perlulah dibuat dengan komited dan terancang.

Antara lain, program ini juga membantu menyedia dan membina perwatakan staf yang berpendirian teguh, inovatif dan berpandangan luas serta memahami isu-isu global dan serantau melalui pemerhatian dan interaksi dengan masyarakat luar negara.







Memupuk Semangat Kerjasama (Camaraderie)

Program ini memupuk semangat kerjasama di kalangan pegawai. Antara contoh elemen kerjasama yang boleh diketengahkan adalah semangat saling bantu-membantu dalam menyediakan keperluan lawatan sebelum, semasa dan selepas aktiviti lawatan.

Yang dikatakan sebelum adalah apabila setiap pegawai diagihkan dengan tugas masing-masing dan pelaporan berhubung skop tugas senantiasa dilaporkan dalam mesyuarat. Semangat kerjasama ini disemai sehingga kala kami berada di Osaka, apabila setiap ahli saling bekerjasama membawa bagasi yang sarat berisi keperluan semasa lawatan seperti keperluan makanan, minuman dan cenderahati. Tiada lagi istilah individualistik kerana semuanya dilakukan bersama.

Selain itu, setiap ahli kumpulan turut bekerjasama menyediakan makanan dan minuman untuk sarapan, bekalan makan tengah hari dan makan malam. Walaupun penat setelah melalui hari-hari yang mencabar, namun ia tidak mematahkan semangat kami untuk bersama-sama menyediakan makan malam. Rutin harian kami setiap malam selepas makan

malam adalah duduk berkumpul di ruang tamu dan berbincang aktiviti yang akan dilakukan pada keesokan harinya. Walaupun tugas menyelaras diagihkan mengikut ahli yang telah dilantik, namun demikian, perbincangan turut diadakan agar setiap ahli dimaklumkan akan aktiviti dan bersiap sedia dengan keperluan yang perlu dibawa bersama.

Sebagai contoh, ahli kumpulan akan berbincang dan memilih jurucakap bagi aktiviti keesokan harinya, berbincang strategi perjalanan dan dasar pemilihan keretapi (sama ada perlu mengambil subway sahaja, atau JR / keretapi sahaja atau kedua-duanya sekali), berbincang dan memutuskan keperluan serta bilangan cenderahati yang perlu dibawa agar beg yang dibawa tidak terlebih muatan. Semua ini perlu diambil kira agar tiada pembaziran masa dan tenaga berlaku di samping dapat menjimatkan kos lebih-lebih lagi apabila berada di luar negara.



Mempertingkatkan Budaya Kerja Positif

Pengalaman sepanjang Eksplorasi ke Osaka, Jepun banyak mengajar kami erti kesabaran dalam menempuh pelbagai cabaran. Jepun, sebuah negara maju dengan kepadatan penduduk di bandaraya Metropolitan Osaka sahaja mencecah 2.872 juta orang, menyebabkan kepadatan pengguna perkhidmatan awam. Seawal jam 6.30 pagi, kelihatan orang ramai sudah berpusu-pusu berjalan menuju ke destinasi masing-masing, ada yang berjalan kaki, dan tidak kurang pula yang mengayuh basikal. Jepun mengamalkan konsep gaya hidup sihat, mengurangkan pencemaran kepada sifar dan tidak menggalakkan rakyat membeli kenderaan sendiri dengan mengenakan cukai yang pelbagai untuk membeli sebuah kenderaan.

Rakyat Jepun sangat menepati masa dan mereka juga dikenali mempunyai semangat kerja yang tinggi (workaholic). Perancangan awal dibuat sebelum perjalanan agar tidak lewat ke pejabat. Walau dalam kepadatan dan kesesakan pengguna perkhidmatan awam, orang ramai masih dilihat sentiasa beratur menunggu giliran masuk ke kenderaan





awam seperti keretapi mahupun bas.

Sepanjang pengamatan kami di empat (4) buah Universiti di Osaka ini, keutamaan kepada pelanggan adalah tinggi. Setiap kaunter pertanyaan sentiasa tidak lengang dari staf yang melayan pelanggan. Kemungkinan ini berlaku juga adalah kerana Jepun mengamalkan konsep pejabat terbuka. Ketua Bahagian, Pengarah, mahupun Pegawai Pengurus di sesebuah unit ditempatkan di satu ruangan yang terbuka dan tidak mempunyai partition. Sukar untuk kita kenalpasti siapakah di antara mereka pegawai tertinggi dan staf sokongan kerana semuanya duduk di satu ruangan yang sama. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan rakyat Jepun mempunyai semangat kerja yang tinggi, komited, berintegriti dan akauntabiliti yang tinggi. Sikap tidak suka melengah-lengahkan masa di kalangan rakyat Jepun juga harus dijadikan contoh dan ikutan kepada kita.



Meningkatkan Disiplin Diri

Sepanjang lawatan ke empat (4) buah Universiti, kami tidak dihidangkan dengan makan tengah hari yang telah siap di hidang di atas meja, malahan, kami dan wakil dari universiti (dari kalangan pengurusan atasan), turut berbaris bersama pelajar mengambil makanan di kaunter kafeteria. Tiada pengecualian untuk berbaris diberikan walaupun di kalangan pihak atasan. Mereka tetap berbaris dan menunggu makanan dihidangkan di kaunter makanan.

Pengamatan dan pemerhatian sepanjang lawatan telah mengajar kami untuk turut berdisiplin walau di meja makan. Selepas makan, pinggan mangkuk makanan dan cawan diletakkan di dalam tray dan diletakkan di atas conveyor belt yang terus membawa bekas tersebut ke dapur, manakala sisa makanan dibuang di dalam tong sampah yang disediakan. Sudu, garfu dan chopstick diletakkan di dalam bakul yang telah disediakan dan tidak dicampurkan sekali.

Antara lain yang diperhatikan dan dipelajari semasa rombongan berada di Jepun adalah sikap orang Jepun yang menjaga kebersihan, tidak membuang sampah merata-rata kerana tong sampah

tidak ada disediakan di sepanjang jalan. Setiap kali hendak membuang sampah, ahli terpaksa menyimpan sampah tersebut di dalam beg atau poket seluar masing-masing sebelum ianya dibuang di dalam tong sampah sesampai di hotel.

Pada awalnya, akibat terlupa untuk membuang semua sampah terkumpul di dalam beg masing-masing, maka sampah tersebut dengan tidak sengaja dibawa pula ke lokasi perjalanan kami seterusnya. Lama-kelamaan, kami sudah terbiasa dan setiap kali balik ke hotel, perkara pertama yang kami buat adalah membersihkan beg daripada sampah sarap terkumpul.

Daripada pengalaman juga, kami lihat rakyat Jepun bukan sahaja berdisiplin semasa kerja, ataupun ketika berada di rumah, malahan juga di tempat-tempat awam seperti di dalam tandas, ketika menaiki bas, menaiki keretapi dan sebagainya. Keseragaman disiplin yang standard ini telah dididik semenjak kecil lagi di kalangan generasi muda Jepun secara turun-temurun dan didikan ini diterap dan dididik secara menyeluruh maka sebab itulah, setiap rakyat Jepun tidak kira yang muda remaja maupun di kalangan warga



emas, semuanya mempunyai disiplin yang sama dan tinggi. Mengajar disiplin adalah kunci utama pengajaran mereka di peringkat awal.

Rakyat Jepun mempunyai jiwa yang penuh disiplin dan 'sivik'. Biar di mana saja mereka berada; di tempat kerja, di rumah atau di jalan raya, mereka adalah bangsa yang tekun bekerja dan memiliki jiwa hendak berlumba-lumba. Ini adalah hasil 'latih tubi' disiplin yang diterapkan sejak zaman kanak-kanak.





Berdikari

Rata-rata budaya Jepun adalah seragam dan standard, berikutnya mereka hanya mempunyai satu bangsa sahaja, iaitu bangsa Jepun, namun iniah keunikan mereka berbanding negara-negara lain di dunia.

Kami beruntung kerana secara tidak langsung berpeluang memerhatikan persekitaran budaya masyarakat Jepun dengan lebih dekat lagi. Kebetulan lawatan kerja kami dibuat dalam minggu bekerja dan persekolahan, maka kami sempat melihat dan memerhatikan gerak-geri kanak-kanak atau pelajar-pelajar Jepun ke sekolah. Berbeza dengan di negara kita, sejak dari tadika lagi, anak-anak Jepun diajar untuk berjalan kaki dan menaiki bas mahupun keretapi ke sekolah walaupun jarak ke sekolah dari rumah adalah jauh. Malah diperhatikan ada yang berjalan kaki hingga kira-kira 500m dari rumah ke sekolah tanpa ditemani ibu bapa ataupun keluarga terdekat. Diperhatikan kanak-kanak kecil ini berjalan dalam satu kelompok sehingga sampai ke destinasi. Dengan itu, kesibukan kenderaan yang menghantar dan menunggu anak-anak di depan pintu pagar sekolah adalah terkawal

dan tidak sesak.

Begini juga suasannya apabila tiba masa balik, di mana kanak-kanak ini akan berjalan kaki balik ke rumah secara berkelompok dan tidak kurang juga yang jalan bersendirian. Tidak terpancar kerisauan dan kebimbangan di raut wajah anak-anak kecil ini kerana mungkin sudah biasa atau mungkin kerana mereka percaya sistem keselamatan di Jepun adalah tinggi dan terjamin. Sikap sebegini kami percaya, mungkin tidak terlalu mudah untuk melaksanakannya memandangkan tahap keselamatan di negara yang masih menghantui kita. Baik keselamatan yang bersifat jenayah mahupun keselamatan jalan raya, Jepun selayaknya mendapat pujian kerana telah berjaya menghasilkan situasi yang begitu selamat untuk rakyat mereka. Ini adalah salah satu cara masyarakat Jepun mendidik anak mereka, agar mulai belajar berdikari sejak dari bangku sekolah lagi seawal umur persekolahan di tadika.



Meningkatkan Rasa Saling Menghormati

Rakyat Jepun sangat menghormati di antara satu sama lain. Mereka sentiasa menunjukkan rasa hormat dengan saling membalaik tundukan tanda terima kasih. Tidak kira anda rakyat tempatan mahupun orang luar, sikap saling menghormati ini adalah sama dan tiada beza ras mahupun kedudukan.

Salah satu contoh nyata yang kami perhatikan sepanjang lawatan adalah ketika lawatan rasmi ke empat (4) buah universiti di Jepun. Kami perhatikan bahawa orang Jepun sangat menghormati di antara satu sama lain. Jika dilihat, Jepun mengamalkan konsep pejabat terbuka di mana semua staf di satu-satu jabatan, unit, bahagian dan pusat duduk secara tersusun di dalam satu ruang terbuka. Tiada bilik khusus yang disediakan untuk staf yang memegang jawatan sebagai pengurus atau pentadbir, mereka ini bahkan duduk bersama staf sokongan yang lain.

Ketika berada di Bahagian Pentadbiran Akademik di salah sebuah Universiti tersebut, tidak dapat dikenalpasti siapakah di antara staf berkenaan adalah di kalangan pengurusan atasan ataupun daripada staf sokongan. Tidak kira sama ada anda berjawatan tinggi ataupun tidak, sikap saling menghormati antara satu sama lain yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak tidak menampakkan perbezaan tersebut. Perkara yang paling mudah sepanjang pemerhatian kami di Osaka, Jepun adalah rakyat Jepun suka dan selalu mengungkapkan

ucapan terima kasih (arigato gozaimasu) setiap kali selesai urusan. Sebagai contoh, setiap kali kami ingin bertanyakan soalan kepada wakil Universiti, sebelum menjawab soalan, mereka akan terlebih dahulu mengucapkan terima kasih. Setiap kali keluar masuk ke kedai serbaguna, sama ada kami membeli barang ataupun tidak, perkataan terima kasih tidak lekang dari mulut mereka.

Pernah sekali, kami sesat jalan menuju ke Osaka Castle, seorang rakyat tempatan wanita telah menunjukkan jalan hingga ke lokasi yang dituju dan sebelum sempat kami mengucapkan terima kasih, beliau terlebih dahulu mengucapkannya.

Inilah budaya Jepun yang boleh dijadikan contoh dan diteladani di negara kita. Bukan hanya saling hormat menghormati sesama sendiri di kalangan warga tempatan, malahan juga kepada warga asing.





Rumusan

GOP: Eksplorasi ke Osaka telah mencapai matlamat untuk melatih ahli kumpulan memberi pendedahan mengenai sistem dan budaya kerja di universiti luar Negara. Staf juga telah mendapat pendedahan kepada kepelbagaian budaya dan tradisi serta meningkatkan motivasi untuk memberi sumbangan yang terbaik kepada Universiti.

Matlamat kami untuk mempromosikan UNIMAS di Jepun telah tercapai apabila kumpulan kami berjaya mendapatkan persetujuan Universiti Kansai Gaidai untuk mengadakan program jangka pendek bersama UNIMAS untuk pelajar-pelajar dan kakitangan mereka semasa cuti musim sejuk atau musim luruh nanti. Kumpulan kami pada masa ini sedang berbincang dengan universiti berkenaan mengenai rangka lawatan serta pembelajaran yang ingin mereka ikuti semasa berada selama 10-14 hari nanti di UNIMAS. Kumpulan kami ingin memastikan agar program ini tercapai dan dilaksanakan agar matlamat dan objektif asal program ini tercapai sepenuhnya.

Cadangan Penambahbaikan Untuk Program

- a. Kriteria pemilihan di semak semula supaya setiap kumpulan terdiri daripada Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan P&P bertindak sebagai perancang dan penggerak utama program. Digugurkan kriteria pecahan kategori yang merangkumi 100% Pegawai P&P.
- b. Mengadakan kelas bahasa khas yang asas kepada kumpulan GOP mengikut negara yang akan dilawati sekiranya medium bahasa di negara berkenaan bukan Bahasa Inggeris.
- c. Peserta GOP diberi pendedahan 'The Do's and Don't's negara yang akan dilawati seperti adat resam, budaya, pantang larang dan sebagainya untuk panduan semasa di sana nanti
- d. Kelulusan untuk elauan pakaian panas diberikan kepada kumpulan GOP yang akan membuat lawatan ke negara yang beriklim sejuk.
- e. GOP dianggap sebagai mekanisma untuk menghargai staf dan jika diletakkan syarat-syarat baru seperti menubuhkan Kumpulan KIK sekembalinya dari lawatan amat menyusahkan kerana kadang-kadang ahli kumpulan GOP terdiri daripada staf dari pelbagai PTJ sedangkan untuk KIK ianya perlu dari PTJ yang sama.
- f. Kumpulan yang ingin pergi semula mengikut GOP dibenarkan jika menggunakan peruntukan sendiri dengan di beri cuti tanpa rekod dan diiktiraf oleh universiti sebagai jam latihan untuk pegawai-pegawai yang mengikutinya untuk kali kedua.

